

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah RISDA Negeri

Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings

Semua Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian

Semua Pengetua IKPK/RISTEC

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SKIM BANTUAN YAYASAN RISDA TAHUN 2024

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Yayasan RISDA Kali Ke-19 yang bersidang pada 5 Disember 2023 telah meluluskan Skim Bantuan Yayasan RISDA Tahun 2024 untuk dilaksanakan tertakluk kepada Bajet 2024 yang telah diluluskan.

3. Syarat-syarat kelayakan dan kadar bantuan yang baharu mengikut Skim Bantuan Yayasan RISDA adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024 seperti berikut:

BIL.	SKIM BANTUAN YAYASAN RISDA	SYARAT DAN KADAR
1.	Skim Insentif Pelajar UCAM (SIPU)	Lampiran 1
2.	Biasiswa Yayasan RISDA (BYR)	Lampiran 1
3.	Bantuan Laptop Yayasan RISDA (BLYR)	Lampiran 2
4.	Bantuan Sara Hidup Pelajar UCAM (BSHPU)	Lampiran 2
5.	Subsidi Makanan Pelajar UCAM (SMPU)	Lampiran 3
6.	Anugerah Yayasan RISDA (AYR)	Lampiran 4
7.	Insentif Pendidikan Staf (IPS)	Lampiran 5
8.	Skim Bantuan Persekolahan (SBP)	Lampiran 5
9.	Skim Bantuan Pesakit Kronik (SBPK)	Lampiran 6
10.	Skim Bantuan Anak Istimewa (SAIS)	Lampiran 7
11.	Anugerah Umrah Yayasan RISDA (AU)	Lampiran 8
12.	Sumbangan Lembu Korban	Lampiran 8

4. Bagi pelajar-pelajar baharu UCAM yang mendaftar pada bulan Disember 2023 layak untuk memohon Skim Bantuan Yayasan RISDA menurut syarat-syarat baharu yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

5. Anak-anak yang layak untuk memohon Skim Bantuan Yayasan RISDA adalah anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah menurut undang-undang dan ditanggung sepenuhnya berumur bawah 18 tahun atau bawah 25 tahun sekiranya masih belajar.

6. Semua permohonan mulai 1 Januari 2024 mestilah menggunakan Borang Permohonan **SKIM 1/2024**, **SKIM 2/2024** atau **SKIM 3/2024** yang dilampirkan dan dikemukakan ke alamat berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN RISDA
TINGKAT 12B, MENARA A
JALAN AMPANG ULU 3, 55000 KUALA LUMPUR**

7. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pegawai Yayasan RISDA di talian 03-48157251 atau 010-6590062 atau emel ke yayasanrisda@gmail.com.

8. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BECAUSE WE CARE"

(WAN MOHD HAFIZ BIN WAN IBRAHIM)
b.p: Ketua Pengarah
RISDA

s.k :

- i. Ketua Pengarah RISDA
- ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

1. Skim Insentif Pelajar UCAM (SIPU)

BIL.	PERIHAL	
1.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Semua pelajar yang telah mendaftar di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) berumur bawah 25 tahun.</p> <p>b. Had maksimum pendapatan isi rumah RM10,959 atau kategori pendapatan M40 semasa dan tiada had pendapatan bagi permohonan anak staf RISDA atau KRH.</p> <p>c. Pelajar peringkat Asasi atau Diploma atau Sarjana Muda di UCAM sahaja.</p> <p>d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.</p>
1.2.	Kadar insentif	Insentif diberi sekali sahaja (<i>one-off</i>) sebanyak RM500 bagi seorang pelajar sepanjang pengajian mana-mana program di UCAM.
1.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada pihak UCAM dengan lengkap.
1.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

2. Biasiswa Yayasan RISDA (BYR)

BIL.	PERIHAL	
2.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Anak pekebun kecil RISDA, staf RISDA/KRH dan pesara RISDA berumur bawah 25 tahun. Keutamaan diberikan kepada anak pekebun kecil RISDA.</p> <p>b. Had maksimum pendapatan isi rumah RM4,849 atau kategori pendapatan B40 semasa.</p> <p>c. Pelajar peringkat Diploma dan Sarjana Muda di UCAM sahaja.</p> <p>d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.</p> <p>e. Pelajar tidak menerima biasiswa, tajaan atau pinjaman daripada pihak lain.</p> <p>f. Keputusan Purata Nilai Gred (PNG) pelajar sekurang-kurangnya 3.0 pada setiap semester.</p> <p>g. Pelajar bebas daripada tindakan tatatertib dan kesalahan jenayah.</p> <p>h. Menyempurnakan perjanjian biasiswa di antara Yayasan RISDA dengan pelajar.</p>
2.2.	Kadar biasiswa	Tertakluk kepada kadar yuran sebenar mengikut program pengajian di UCAM.
2.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada pihak UCAM dengan lengkap.
2.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Temuduga Biasiswa Yayasan RISDA.

3. Bantuan Laptop Yayasan RISDA (BLYR)

BIL.	PERIHAL	
3.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Anak pekebun kecil RISDA, staf RISDA/KRH dan pesara RISDA berumur bawah 25 tahun. Keutamaan diberikan kepada anak pekebun kecil RISDA.</p> <p>b. Had maksimum pendapatan isi rumah RM4,849 atau kategori pendapatan B40 semasa.</p> <p>c. Pelajar peringkat Diploma atau Sarjana Muda di UCAM sahaja.</p> <p>d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.</p> <p>e. Pelajar tidak menerima bantuan laptop atau apa-apa peranti daripada pihak lain.</p>
3.2.	Kadar bantuan	Satu unit laptop dan hanya layak sekali sahaja bagi seorang pelajar sepanjang pengajian mana-mana program di UCAM.
3.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada pihak UCAM dengan lengkap.
3.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

4. Bantuan Sara Hidup Pelajar UCAM (BSHPU)

BIL.	PERIHAL	
4.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Semua pelajar yang telah mendaftar di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) berumur bawah 25 tahun.</p> <p>b. Had maksimum pendapatan isi rumah RM4,849 atau kategori pendapatan B40 semasa.</p> <p>c. Pelajar peringkat Asasi, Diploma dan Sarjana Muda di UCAM sahaja.</p> <p>d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.</p> <p>e. Bantuan semasa sesi pengajian mulai tarikh pendaftaran hingga 1 hari sebelum tarikh cuti semester tetapi tidak termasuk semasa cuti semester dan semasa menjalani Latihan Industri yang dibayar elaun.</p> <p>f. Keputusan Purata Nilai Gred (PNG) pelajar sekurang-kurangnya 2.5 pada setiap semester.</p> <p>g. Pelajar bebas daripada tindakan tatatertib dan kesalahan jenayah.</p>
4.2.	Kadar bantuan	Kadar RM15 sehari atau maksimum RM450 sebulan bagi seorang pelajar.
4.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada pihak UCAM dengan lengkap.
4.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

5. Subsidi Makanan Pelajar UCAM (SMPU)

BIL.	PERIHAL	
5.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Semua pelajar yang telah mendaftar di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) berumur bawah 25 tahun.</p> <p>b. Pendapatan isi rumah RM10,959 dan ke bawah atau kategori pendapatan M40 semasa dan ke bawah.</p> <p>c. Pelajar peringkat Asasi, Diploma dan Sarjana Muda di UCAM sahaja.</p> <p>d. Permohonan dihantar selewat-lewatnya 6 bulan selepas tarikh pendaftaran semester satu tahun pertama.</p> <p>e. Bantuan semasa sesi pengajian mulai tarikh pendaftaran hingga 1 hari sebelum tarikh cuti semester tetapi tidak termasuk semasa cuti semester dan semasa menjalani Latihan Industri yang dibayar elaun.</p> <p>f. Keputusan Purata Nilai Gred (PNG) pelajar sekurang-kurangnya 2.5 pada setiap semester.</p> <p>g. Pelajar bebas daripada tindakan tatatertib dan kesalahan jenayah.</p> <p>h. Subsidi makanan akan dibayar terus kepada pihak Kafe UCAM berasaskan kepada tuntutan yang diterima.</p>
5.2.	Kadar subsidi	Kadar RM10 sehari atau maksimum RM300 sebulan bagi seorang pelajar.
5.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada pihak UCAM dengan lengkap.
5.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

6. Anugerah Yayasan RISDA (AYR)

BIL.	PERIHAL	
6.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Anak pekebun kecil RISDA, staf RISDA/KRH dan pesara RISDA berumur bawah 25 tahun. Keutamaan diberikan kepada anak pekebun kecil RISDA.</p> <p>b. Had maksimum pendapatan isi rumah RM4,849 atau kategori pendapatan B40 semasa.</p> <p>c. Pelajar peringkat Diploma atau Sarjana Muda di UCAM sahaja.</p> <p>d. Pelajar yang aktif dalam kegiatan kokurikulum.</p> <p>e. Pelajar yang menamatkan pengajian dengan keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.5 pada semester akhir.</p> <p>f. Bayaran akan dibuat terus kepada UCAM atau pelajar (semasa Majlis Konvokesyen) sekiranya tiada tunggakan yuran pengajian.</p>
6.2.	Kadar anugerah	Anugerah diberi sekali sahaja (<i>one-off</i>) sebanyak RM2,000 bagi seorang pelajar sepanjang pengajian mana-mana program di UCAM.
6.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada pihak UCAM dengan lengkap.
6.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

7. Insentif Pendidikan Staf (IPS)

BIL.	PERIHAL	
7.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Staf RISDA/KRH yang sedang melanjutkan pengajian dengan kelulusan Ketua Jabatan di peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah dan Sijil Profesional yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualification Agency</i>).</p> <p>b. Staf RISDA yang sedang melanjutkan pengajian dengan kelulusan Ketua Jabatan bagi Program Eksekutif UCAM dan Program Eksekutif (<i>Advanced</i>) UCAM.</p> <p>c. Staf KRH yang sedang melanjutkan pengajian dengan kelulusan Ketua Jabatan bagi Program Eksekutif UCAM untuk gred Perkeranian dan Teknikal dan Program Eksekutif (<i>Advanced</i>) UCAM untuk gred Eksekutif.</p> <p>d. Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini staf sekurang-kurangnya 85%.</p> <p>e. Staf RISDA atau KRH yang masih berkhidmat sehingga tarikh kelulusan permohonan.</p>
7.2.	Kadar insentif	<p>a. RM300 bagi Program Eksekutif dan Program Eksekutif (<i>Advanced</i>) UCAM.</p> <p>b. RM500 bagi Diploma, Sarjana Muda dan Sijil Profesional.</p> <p>c. RM750 bagi Sarjana dan Doktor Falsafah.</p>
7.3.	Pemilihan penerima	Berasaskan senarai nama staf yang layak daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia RISDA atau Jabatan Pengurusan Sumber Manusia KRH.
7.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

8. Skim Bantuan Persekolahan (SBP)

BIL.	PERIHAL	
8.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Anak staf RISDA atau KRH.</p> <p>b. Pendapatan isi rumah RM10,959 dan ke bawah atau kategori pendapatan M40 semasa dan ke bawah.</p> <p>c. Anak yang ditanggung sepenuhnya oleh staf RISDA/KRH dan bersekolah daripada umur 6 tahun di Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hingga Tingkatan 5 bagi sesi persekolahan 2024/2025.</p>
8.2.	Kadar bantuan	Kadar bantuan RM150 setahun untuk seorang anak yang bersekolah.
8.3.	Pemilihan penerima	Berasaskan data daripada Borang Soal Selidik YR atau maklumat staf KRH yang disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab atau Ketua Pegawai Eksekutif KRH.
8.4.	Kelulusan bantuan	Lembaga Pemegang Amanah Yayasan RISDA.

9. Skim Bantuan Pesakit Kronik (SBPK)

BIL.	PERIHAL	
9.1.	Syarat-syarat kelayakan	<p>a. Staf RISDA/KRH dan pesara RISDA termasuk ahli keluarga terdekat iaitu suami, isteri, anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah menurut undang-undang.</p> <p>b. Anak-anak yang masih di bawah tanggungan berumur bawah 18 tahun atau bawah 25 tahun sekiranya masih belajar tetapi tiada had umur bagi anak status OKU.</p> <p>c. Tiada had pendapatan pemohon.</p> <p>d. Ada Laporan/Surat Pengesahan Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan Malaysia atau Hospital Pakar yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan penyakit yang dihidapi.</p> <p>e. Pemohon menghidap sekurang-kurangnya satu daripada 36 jenis penyakit kritikal yang disenaraikan.</p>
9.2.	Kadar bantuan	Bantuan diberi sekali sahaja (<i>one-off</i>) sebanyak RM1,000 bagi seorang pesakit.
9.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada Yayasan RISDA dengan lengkap.
9.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

Senarai Penyakit Kritikal

BIL	NAMA PENYAKIT	BIL	NAMA PENYAKIT
1	Anaemia Aplastik	19	Pembedahan Otak
2	Distrofi Otot	20	Pemindahan Organ Utama
3	Ensefalitis	21	Penggantian Injap Jantung
4	Hepatitis Virus Fulminan	22	Penyakit Alzheimer
5	Hilang Keupayaan Diri	23	Penyakit Arteri Koronari
6	Hilang Pendengaran	24	Penyakit Arteri Koronari yang serius
7	Hilang Penglihatan	25	Penyakit Hati Kronik
8	Hilang Pertuturan	26	Penyakit Neuron Motor
9	Hipertensi Pulmonari Arterial Primer	27	Penyakit Parkinson
10	Kanser	28	Penyakit Paru- Paru Kronik
11	Kardiomiopati	29	Penyakit Terminal
12	Kegagalan Buah Pinggang	30	Poliomielitis
13	Koma	31	Serangan Jantung
14	Luka Terbakar Teruk	32	Sindrom Apalik
15	Lumpuh	33	Sklerosis Berbilang
16	Lumpuh Paraplegia	34	Strok
17	Meningitis Bakteria	35	Trauma Kepala Utama
18	Pembedahan Aorta	36	Tumor Otak Benigna

10. Skim Bantuan Anak Istimewa (SAIS)

BIL.	PERIHAL	
10.1.	Syarat-syarat kelayakan	a. Anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah menurut undang-undang kepada staf RISDA atau KRH. b. Anak-anak yang masih di bawah tanggungan berumur bawah 18 tahun atau bawah 25 tahun sekiranya masih belajar. c. Tiada had pendapatan pemohon. d. Ada kad OKU yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). e. Pemohon menghidap sekurang-kurangnya satu daripada 7 kategori OKU yang disenaraikan.
10.2.	Kadar bantuan	Bantuan sebanyak RM1,200 setahun bagi seorang anak kelainan upaya.
10.3.	Cara memohon	Isi dan hantar Borang Permohonan SKIM 1/2024 serta dokumen sokongan berkaitan kepada Yayasan RISDA dengan lengkap.
10.4.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

SENARAI KATEGORI ORANG KELAINAN UPAYA (ANAK ISTIMEWA)

1. Orang Kelainan Upaya **Fizikal**.
2. Orang Kelainan Upaya **Penglihatan**.
3. Orang Kelainan Upaya **Pendengaran**.
4. Orang Kelainan Upaya **Pertuturan**.
5. Orang Kelainan Upaya **Mental**.
6. Orang Kelainan Upaya **Pembelajaran** seperti *Global Development Delay (GDD)*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, *Intelektual*, *Autisme* dan *Down Syndrome*.
7. Orang Kelainan Upaya **Pelbagai** iaitu melebihi daripada 1 kategori OKU.

11. Anugerah Umrah Yayasan RISDA (AU)

BIL.	PERIHAL	
11.1.	Syarat-syarat kelayakan calon staf RISDA/KRH	<p>a. Staf RISDA/KRH berjawatan tetap dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun. Keutamaan diberikan kepada staf Kumpulan Pelaksana RISDA dan staf Kumpulan Bukan Eksekutif KRH serta kurang berkemampuan.</p> <p>b. Staf yang belum menunaikan umrah atau haji.</p> <p>c. Staf yang aktif dalam aktiviti sukan/kebajikan/sosial/seni/kebudayaan di RISDA/KRH/lain-lain.</p> <p>d. Purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan staf bagi 3 tahun terakhir sekurang-kurangnya 85%.</p> <p>e. Staf yang sihat tubuh badan dan tidak menghidap penyakit kronik.</p> <p>f. Staf mestilah bebas daripada tindakan disiplin dan hukuman tatatertib.</p>
11.2.	Syarat-syarat kelayakan calon pesara RISDA	<p>a. Pesara yang berdaftar dengan Persatuan Pesara RISDA Malaysia (PERSADA). Keutamaan diberikan kepada pesara daripada Kumpulan Pelaksana RISDA dan kurang berkemampuan.</p> <p>b. Pesara yang belum menunaikan umrah atau haji.</p> <p>c. Pesara yang sihat tubuh badan dan tidak menghidap penyakit kronik.</p>
11.3.	Kadar anugerah	Tertakluk kepada harga pakej umrah Syarikat Pengendali Umrah yang dipilih oleh Yayasan RISDA.
11.4.	Pemilihan penerima	<p>a. Berasaskan nama staf yang dicalonkan oleh Pengarah Bahagian/Pengarah RISDA Negeri bagi staf RISDA dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi staf KRH menggunakan Borang Permohonan SKIM 2/2024.</p> <p>b. Berasaskan nama pesara yang dicalonkan oleh Persatuan Pesara RISDA Malaysia (PERSADA) menggunakan Borang Permohonan SKIM 3/2024.</p>
11.5.	Kelulusan permohonan	Jawatankuasa Penilai Yayasan RISDA.

12. Sumbangan Lembu Korban

BIL.	PERIHAL	
12.1.	Syarat-syarat kelayakan	Staf RISDA atau KRH. Keutamaan diberikan kepada staf Kumpulan Pelaksana RISDA dan staf Kumpulan Bukan Eksekutif KRH serta kurang berkemampuan.
12.2.	Kadar sumbangan	Penerima 1 daripada 7 bahagian seekor lembu untuk ibadah korban.
12.3.	Pemilihan penerima	Penerima dipilih oleh Pengarah BP/Pengarah RISDA Negeri/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mengikut mana yang berkenaan.

BORANG PERMOHONAN SKIM BANTUAN YAYASAN RISDA



YAYASAN
(NO SYARIKAT : 1170062-M)

JENIS PERMOHONAN :

<input type="checkbox"/> SIPU	<input type="checkbox"/> BSHPU	<input type="checkbox"/> SBPK
<input type="checkbox"/> BYR	<input type="checkbox"/> SMPU	<input type="checkbox"/> SAIS
<input type="checkbox"/> BLYR	<input type="checkbox"/> AYR	

Kegunaan Urus Setia	
Tarikh Terima :	
Tarikh Semak :	

MAKLUMAT PEMOHON / IBUBAPA / PENJAGA

1. No Kad Pengenalan Baharu - - 2. No Pekerja

3. Nama (mengikut kad pengenalan)

4. No Telefon - 5. Pendapatan (Gaji Asas + Elaun Tetap + Lain-lain) R M .

6. Nama & Alamat Majikan

7. Jawatan & Gred

8. Nama Pasangan (suami / isteri)

9. No Kad Pengenalan Baharu - - 10. No Telefon -

11. Pekerjaan Pasangan (suami / isteri)

12. Pendapatan Pasangan (Gaji Asas + Elaun Tetap + Lain-lain) R M . 13. Jumlah Pendapatan (Suami + Isteri) R M .

14. Alamat Kediaman

15. Jumlah Tanggungan (Pasangan + Anak dalam tanggungan) Orang 16. Jumlah Anak Orang

Bil.	*Nama Anak	No Kad Pengenalan Anak	Pekerjaan Anak
i.			
ii.			
iii.			
iv.			
v.			
vi.			
vii.			

*Sila keipilkan lampiran tambahan jika ruangan tidak mencukupi

MAKLUMAT ANAK (bagi pemohon pelajar UCAM)

1. No Kad Pengenalan Baharu - - 2. Umur Tahun Bulan

3. Nama Anak (mengikut kad pengenalan)

4. No Telefon Anak - 5. Tahap Pengajian (jika berkenaan)
 Sijil Diploma Sarjana Muda

6. Kursus Pengajian (jika berkenaan)

7. Adakah anda menerima sebarang biasiswa, tajaan atau pinjaman?
 Ya Tidak (Jika "YA", sila nyatakan)

MAKLUMAT PESAKIT (bagi permohonan SBPK / SAIS)

1. No Kad Pengenalan Baharu - -

2. Nama Pesakit (mengikut kad pengenalan)

3. Jenis Penyakit / Kelainan Upaya

PENGAJUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan

- -
Tarikh

Nota : Borang Skim Bantuan ini adalah bertujuan untuk semakan permohonan dan juga semakan kelayakan. Oleh yang demikian, segala maklumat yang diberikan adalah tepat dan benar. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terdapat isu-isu berbangkit di kemudian hari berdasarkan pengakuan yang telah diberikan ini.

PENGESAHAN MAJIKAN / PENGHULU / PEGAWAI KERAJAAN KUMPULAN A / JAKSA PENDAMAI / PENGAMAL UNDANG-UNDANG / PENERUSI PERSATUAN PENDUDUK

Saya mengesahkan bahawa maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan

- -
Tarikh

Nama :
Jawatan :
Cop Jabatan :

NOTA :

1. Dokumen **wajib** perlu disertakan dan disahkan oleh Majikan / Penghulu / Pegawai Kerajaan Kumpulan A / Jaksa Pendamai / Pengamal Undang-Undang / Pengerusi Persatuan Penduduk. (mengikut jenis skim, rujuk manual) :
 - 1.1 Salinan Kad Pengenalan Pemohon
 - 1.2 Salinan Kad Pengenalan Pasangan
 - 1.3 Salinan Kad Pekerja / Kad Pesara / Surat Tanam Semula / Pengesahan Pekebun Kecil RISDA (Getah)
 - 1.4 Salinan Kad Pengenalan / Mykid / Sijil Lahir Anak (bagi permohonan anak)
 - 1.5 Salinan Penyata Gaji / Pengesahan Pendapatan Pemohon terkini
 - 1.6 Salinan Penyata Gaji / Pengesahan Pendapatan Pasangan terkini
 - 1.7 Penyata Bank Pemohon / Pesakit / Pelajar UCAM
 - 1.8 Surat Tawaran Pengajian dan Resit Bayaran Kemasukan UCAM (bagi permohonan pelajar UCAM)
 - 1.9 Salinan Sijil Akademik [SPM / Sijil / Diploma / Ijazah] (bagi permohonan pelajar UCAM)
 - 1.10 Salinan Sijil Ko-Kurikulum / PAJSK (bagi permohonan pelajar UCAM)
 - 1.11 Salinan Surat Pengesahan Pegawai Perubatan Terkini (bagi permohonan SBPK)
 - 1.12 Salinan Kad OKU JKM (bagi permohonan SAIS)